

ANALISIS KESAN KEPIMPINAN TERHADAP LITERASI KEWANGAN DAN KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

(AN ANALYSIS OF THE IMPACT OF LEADERSHIP ON FINANCIAL LITERACY AND FINANCIAL WELL-BEING AMONG THE YOUNGER GENERATION)

ISA, K.^{1*} – OSMAN, I.² – WAN MUDA, W. H. N.³ – PUTRA, M. D. K.⁴ – SYAH, S.⁵

¹ *Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

² *Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia.*

³ *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

⁴ *Fakulti Psikologi, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia.*

⁵ *Institut Agama Islam Riyodlatul Mujahidin, Ponorogo, Indonesia.*

**Penulis penghubung
e-mail: nesa[at]uthm.edu.my*

(Received 29th April 2025; revised 30th July 2025; accepted 06th August 2025)

Abstrak. Literasi kewangan dalam kalangan generasi muda merupakan aspek kritikal dalam menjamin kesejahteraan kewangan yang mampan dan bertanggungjawab. Tahap literasi yang rendah menyebabkan generasi muda terjebak dengan pelbagai masalah kewangan seperti muflis dan kadar berhutang yang tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi kewangan serta kesejahteraan kewangan dalam kalangan generasi muda, di samping meneliti pengaruh ciri kepimpinan terhadap literasi kewangan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan seramai 50 orang belia dari enam negara ASEAN sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang merangkumi tiga komponen utama iaitu literasi kewangan, kesejahteraan kewangan, dan ciri kepimpinan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, responden menunjukkan tahap ciri kepimpinan yang tinggi. Analisis statistik turut mendedahkan adanya hubungan positif yang sederhana antara tahap literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan. Ini membuktikan bahawa pengetahuan dan kemahiran kewangan yang kukuh mampu memberi kesan terhadap kestabilan kewangan individu. Justeru, kajian ini mencadangkan agar program pembangunan kepimpinan dan pendidikan kewangan diperkasakan dan diperluaskan, khususnya dalam kalangan belia ASEAN. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mempertingkatkan literasi kewangan tetapi juga menyumbang ke arah pembentukan generasi muda yang lebih sejahtera dari segi kewangan secara menyeluruh dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi masa kini.

Katakunci: *literasi kewangan, kepimpinan belia, kesejahteraan kewangan, pengurusan kewangan, keputusan kewangan*

Abstract. Financial literacy among the younger generation is a crucial factor in ensuring sustainable and responsible financial well-being. A lack of financial knowledge can lead to various financial issues, including bankruptcy and high debt levels. This quantitative study aims to examine the levels of financial literacy and financial well-being among youths, while also exploring the influence of leadership traits on their financial literacy. A total of 50 youths from six ASEAN countries participated in the study through a structured questionnaire covering three main areas: financial literacy, financial well-being, and leadership

traits. The findings indicate that while financial literacy and financial well-being are at moderate levels, the respondents exhibited high levels of leadership traits. Statistical analysis revealed a moderate positive correlation between financial literacy and financial well-being, suggesting that stronger financial knowledge contributes to better financial stability. Based on these findings, the study recommends enhancing leadership development and financial education programmes, particularly for ASEAN youth, to foster a financially resilient and well-informed generation capable of managing economic challenges effectively.

Keywords: *financial literacy, youth leadership, bankruptcy, financial well-being, financial management*

Pengenalan

Kehidupan global hari ini membawa cabaran kompleks kepada generasi muda, seperti ketidakstabilan ekonomi, transformasi teknologi, pergolakan geopolitik, dan perubahan iklim. Situasi ini mempengaruhi kenaikan kos sara hidup dan kesejahteraan kewangan mereka. Kesejahteraan kewangan, yang merujuk kepada keupayaan mengurus kewangan dengan berkesan dan bebas daripada kebimbangan, adalah faktor utama dalam menentukan kualiti hidup. Laporan menekankan kebimbangan pembuat dasar mengenai cara meningkatkan kesejahteraan kewangan isi rumah untuk memperkukuh sektor kewangan dan kestabilannya. Sehwat et al. (2021) pula menyatakan pentingnya mengenal pasti ciri personaliti, pengetahuan, atau tingkah laku yang membantu individu bertahan dalam masa sukar. Dalam hal ini, literasi kewangan yang kukuh adalah penting bagi generasi muda, kerana pengetahuan kewangan yang lebih baik dapat mengurangkan risiko masalah kewangan dan meningkatkan kesejahteraan mereka (Sorgente dan Lanz, 2019). Statistik menunjukkan bahawa antara 2013 hingga Februari 2017, sebanyak 85,338 individu diisytihar muflis, dengan 21,676 daripadanya berusia 34 tahun ke bawah (Alias, 2022). Manakala, statistik Jabatan Insolvensi Malaysia (2024) dari tahun 2020 hingga Jun 2024 mencatatkan 15,682 individu berusia antara 25 hingga 44 tahun diisytihar muflis, dengan 11,029 daripadanya berusia antara 35 hingga 44 tahun. Lebih membimbangkan, 76 individu yang berusia bawah 25 tahun turut terlibat dalam kebangkrutan. Dari segi gender, lelaki mencatatkan jumlah yang lebih tinggi dengan 20,695 individu berbanding perempuan sebanyak 7,493. Statistik kebangkrutan mengikut sebab pula menunjukkan pinjaman peribadi mencatatkan jumlah kes tertinggi, iaitu 14,007 kes, diikuti pinjaman perniagaan (5,273), sewa beli kenderaan (2,670), dan pinjaman perumahan (2,145). Meskipun pinjaman pelajaran (55 kes), caruman KWSP (389 kes), dan penjamin korporat (714 kes) mencatatkan jumlah kes yang rendah, ia tetap memberi kebimbangan. Masalah kewangan yang tidak terkawal ini memberi kesan besar terhadap kesejahteraan kewangan individu, dengan kebimbangan kewangan yang berkaitan dengan tekanan mental dan ketidakseimbangan emosi (Mogaji dan Nguyen, 2024).

Golongan belia di Malaysia, khususnya yang berusia bawah 40 tahun, sering berhadapan dengan masalah pengurusan kewangan yang lemah, disebabkan kurangnya pengetahuan dalam aspek penting seperti kredit, hutang, pengurusan risiko, pelaburan, dan perbankan Islam. Menurut Sabri dan Zakaria (2015), literasi kewangan yang rendah boleh mengakibatkan keputusan kewangan yang salah dan meningkatkan risiko terjebak dalam masalah kewangan serius (Lusardi, 2015). Oleh itu, kesejahteraan kewangan bergantung kepada keupayaan individu untuk membuat keputusan bijak, termasuk menguruskan hutang dan merancang simpanan. Selain itu, kajian juga menyatakan bahawa perbelanjaan bijak melibatkan keutamaan terhadap keperluan berbanding kehendak, satu pandangan yang disokong menekankan pentingnya membezakan kedua-

duanya untuk mengelakkan penyalahgunaan kewangan. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa pendidikan tinggi dan pengurusan kewangan yang baik tidak semestinya menjamin golongan belia dapat menguruskan kewangan dengan cekap. Kesejahteraan kewangan bukan hanya dipengaruhi oleh pengetahuan teori kewangan, tetapi juga oleh sikap dan disiplin individu dalam mengamalkan prinsip kewangan yang sihat dalam kehidupan harian.

Kajian oleh UCSI University (Hibrahim, 2023) mendapati 73% belia di Malaysia sudah mempunyai komitmen hutang, dengan alasan utama seperti kekangan kewangan (42%), inflasi (22%), dan gaya hidup mewah (21%). Kajian menunjukkan bahawa pelajar diploma mengutamakan membeli-belah sebagai aktiviti ketiga paling penting selepas barangan keperluan makanan dan bil telefon. Dapatan dari Kajian Indeks Belia Malaysia 2022 menunjukkan skor literasi kewangan belia merosot kepada 62.72%, menunjukkan tahap literasi kewangan yang sederhana dan semakin menurun. Penurunan ini memberi impak negatif kepada kesejahteraan kewangan mereka, kerana individu yang kurang pengetahuan cenderung membuat keputusan kewangan yang tidak bijak, sekali gus menjejaskan kestabilan kewangan (Sorgente dan Lanz, 2019). Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) juga melaporkan 510,000 belia menganggur, sementara 5,536 orang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 (PERKESO, 2021). Keadaan ini boleh menyebabkan belia berdepan dengan kesulitan kewangan. Stendardi et al. (2006) berpendapat bahawa perancangan kewangan peribadi adalah pendekatan menyeluruh yang memberi kuasa kepada individu untuk menguruskan kewangan secara efektif, membuat keputusan yang tepat, dan mencapai matlamat kewangan mereka. Justeru kajian ini bertujuan untuk: (1) menentukan tahap literasi kewangan generasi muda; (2) menentukan tahap kesejahteraan kewangan generasi muda; (3) mengenal pasti ciri kepimpinan belia terhadap literasi kewangan; (4) mengenal pasti hubungan antara tahap literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan.

Kesejahteraan kewangan

Kesejahteraan kewangan adalah konsep kompleks yang melibatkan aspek objektif dan subjektif, mencerminkan kepuasan individu terhadap kemampuan mereka menguruskan kewangan dengan efektif (Sorgente dan Lanz, 2019). Ia tidak hanya berkaitan dengan memenuhi keperluan asas, tetapi juga merangkumi kebolehan merancang kewangan jangka panjang, membuat keputusan kewangan yang bijak, dan menguruskan risiko kewangan seperti hutang dan simpanan. Contohnya, individu dengan simpanan dapat menghadapi situasi luar jangka seperti sakit atau kehilangan pekerjaan dengan lebih tenang, manakala mereka yang kekurangan simpanan terpaksa bergantung kepada sumber luar. Kajian Lusardi (2019) menyatakan bahawa individu yang tidak mampu mengatasi cabaran kewangan tergolong dalam golongan yang terancam secara kewangan, yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan peribadi mereka. Kesejahteraan kewangan terbahagi kepada dua dimensi: objektif, yang merujuk kepada faktor material seperti pendapatan, dan subjektif, yang berkaitan dengan persepsi individu terhadap keadaan kewangan mereka (Sorgente dan Lanz, 2019). Dimensi subjektif ini, yang dipengaruhi oleh literasi kewangan, memainkan peranan penting dalam keputusan kewangan harian dan perancangan jangka panjang. Menurut Lusardi (2019), literasi kewangan yang rendah sering dikaitkan dengan perbelanjaan tidak terkawal, perancangan kewangan yang lemah, dan pengurusan hutang yang tidak bijak. Oleh itu, peningkatan literasi kewangan bukan sahaja

memperbaiki kesejahteraan individu tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi secara keseluruhan.

Kesejahteraan kewangan sering digambarkan sebagai keupayaan untuk memenuhi keperluan hidup, merasai keselamatan kewangan untuk masa depan, menikmati kehidupan kini, serta menghadapi cabaran kewangan yang tidak dijangka. Ia melibatkan kemahiran menguruskan kewangan harian, menangani perbelanjaan yang tidak dijangka, menetapkan matlamat kewangan, dan membuat keputusan kewangan yang termaklum (Mogaji dan Nguyen, 2024). Kajian Lusardi dan Mitchell (2014) mendapati individu yang memiliki literasi kewangan yang baik lebih cenderung menguruskan kewangan secara holistik, meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka secara keseluruhan. Selain itu, daya tahan kewangan adalah faktor utama yang menyumbang kepada kesejahteraan kewangan, yang secara tidak langsung mempengaruhi kesejahteraan peribadi. Kesejahteraan kewangan tidak hanya berkaitan dengan pencapaian material, tetapi juga kestabilan psikologi dan mental (Estela-Delgado et al., 2023). Faktor seperti pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan kemampuan merancang kewangan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesejahteraan kewangan (Selvia et al., 2021). Kesejahteraan kewangan dilihat sebagai persepsi individu terhadap keadaan kewangan mereka yang bebas daripada kebimbangan kewangan berlebihan.

Hubungan antara kepimpinan dan literasi kewangan

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam membentuk tahap literasi dan kesejahteraan kewangan, khususnya dalam kalangan generasi muda. Dalam konteks ini, kepimpinan tidak terhad kepada aspek pengurusan semata-mata, tetapi merangkumi keupayaan mempengaruhi, memberi inspirasi, dan menyesuaikan pendekatan dalam pelbagai situasi (Northouse, 2021). Teori kepimpinan seperti kepimpinan transformasi, kepimpinan situasi, dan kepimpinan khidmat menekankan bagaimana pemimpin yang berkesan dapat memberi panduan strategik, bersikap fleksibel, dan mengutamakan kepentingan bersama dalam menangani isu-isu berkaitan kewangan (Hersey dan Blanchard, 1977). Ciri-ciri kepimpinan utama seperti visi yang jelas, kecekapan membuat keputusan, kecerdasan emosi, dan integriti etika turut menyumbang kepada kebolehan individu merancang kewangan secara strategik, menilai risiko pelaburan, serta mengekalkan disiplin dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan kewangan (Goleman, 2000). Dalam erti kata lain, pembangunan literasi kewangan yang holistik tidak boleh dipisahkan daripada pembentukan keupayaan kepimpinan dalam kalangan generasi muda. Kepimpinan juga memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti keputusan kewangan melalui pemikiran strategik, komunikasi berkesan, dan kemahiran menyelesaikan masalah (Pearce dan Sims, 2002). Individu muda yang memiliki ciri kepimpinan positif lazimnya lebih berupaya membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat, memahami risiko dalam pelaburan, dan mengurus sumber kewangan secara beretika. Tambahan pula, gaya kepimpinan turut mempengaruhi hasil keputusan kewangan; sebagai contoh, kepimpinan autokratik yang terlalu mengawal boleh mengekang inovasi kewangan dan mengakibatkan keputusan yang kurang optimum (Judge et al., 2004). Sebaliknya, gaya kepimpinan kolaboratif lebih kondusif dalam merangsang penyelesaian kreatif serta ketahanan dalam menghadapi perubahan ekonomi (Said et al., 2018).

Bagi memastikan literasi dan kesejahteraan kewangan dalam kalangan belia terus berkembang, pengukuhan kepimpinan harus menjadi elemen penting dalam pendidikan

kewangan. Hal ini dapat dicapai melalui pendekatan yang menekankan latihan kepimpinan, pementoran berstruktur, dan pembelajaran berterusan (Clutterbuck dan Megginson, 2005). Apabila keupayaan kepimpinan individu diperkuat, mereka bukan sahaja mampu mencapai kestabilan kewangan peribadi, malah dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan beretika. Kepimpinan dalam konteks ini bukan sahaja menyokong peningkatan kemahiran literasi kewangan, tetapi juga membentuk individu yang lebih bertanggungjawab, berdaya tahan, dan berwibawa dalam menangani cabaran kewangan pada peringkat komuniti dan nasional (Boyatzis dan McKee, 2005). Dari perspektif teoritikal, Kepimpinan Transformasi (Bass dan Avolio, 1994) menekankan motivasi intrinsik, pembentukan nilai jangka panjang dan pengaruh melalui teladan. Namun, keberkesannya dalam memperkukuh literasi kewangan bergantung kepada sejauh mana pemimpin dapat menggalakkan kesedaran sendiri dan refleksi kritikal terhadap tingkah laku kewangan. Kajian menunjukkan bahawa program literasi kewangan yang dilaksanakan dalam bentuk interaksi kepimpinan transformasi, bukan hanya ceramah bersifat satu hala, menghasilkan peningkatan yang signifikan dalam tahap “kesihatan kewangan” peserta. Penemuan ini mencadangkan bahawa pendekatan transformasi perlu disertakan dengan strategi pembelajaran aktif dan reflektif bagi mendorong perubahan tingkah laku yang mampan. Tanpa elemen ini, pemimpin transformasi mungkin hanya mencetuskan motivasi sementara tanpa impak jangka panjang terhadap disiplin kewangan.

Sementara itu, Self-leadership (Manz dan Sims, 1987) memberi tumpuan kepada kawalan sendiri dan kebertanggungjawaban dalam mencapai matlamat peribadi. Dalam konteks kewangan, ini diterjemahkan melalui disiplin dalam perbelanjaan, kebolehan menetapkan matlamat belanjawan, dan pemantauan terhadap tabiat kewangan. Festa dan Knotts (2021) membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai tahap self-leadership yang tinggi cenderung memiliki paras hutang pelajar yang lebih rendah, dan kesan ini dimediasi oleh tahap keberkesanan sendiri kewangan (financial self-efficacy). Ini memberikan implikasi langsung bahawa pendidikan kewangan yang efektif perlu mengintegrasikan latihan pengukuhan sendiri, bukan sekadar penyampaian fakta atau maklumat. Tanpa komponen pembangunan sendiri yang kukuh, pengetahuan kewangan tidak semestinya diterjemahkan kepada amalan sebenar. Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1977) pula menekankan peranan pemerhatian dan pengaruh sosial dalam pembentukan tingkah laku. Prinsip ini diperkuat oleh kajian sistematik yang mendapati bahawa rangkaian sosial seperti keluarga dan rakan sebaya memainkan peranan signifikan dalam membentuk tahap literasi kewangan individu. Kajian lepas juga menambah bahawa pengaruh rakan sebaya bertindak sebagai pemangkin kepada kawalan kewangan dalam kalangan Gen-Z, terutamanya apabila wujud intervensi sosial yang memoderasi hubungan antara keberkesanan sendiri dan tabiat berhutang. Namun begitu, tidak semua pengaruh sosial bersifat positif. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada rakan sebaya yang mengamalkan corak perbelanjaan tidak sihat boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan individu. Justeru, proses pemodelan sosial perlu ditadbir secara berstrategi; pemimpin atau pendidik tidak boleh sekadar menjadi teladan, tetapi juga perlu membimbing pelajar menjadi individu yang kritikal dan selektif dalam memilih tingkah laku kewangan yang wajar untuk ditiru.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kuantitatif untuk menentukan tahap literasi kewangan generasi muda, menentukan tahap kesejahteraan kewangan generasi muda, mengenal pasti ciri kepimpinan generasi muda terhadap literasi kewangan, dan mengenal pasti hubungan antara tahap literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dalam kalangan generasi muda. Responden kajian terdiri dari generasi muda yang dipilih secara rawak dari 6 negara Asean iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, dan Brunei. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu maklumat (i) Demografi responden, (ii) Literasi kewangan, (iii) kesejahteraan kewangan, dan ciri kepimpinan generasi muda. Bahagian demografi mengumpul maklumat asas seperti umur, jantina, pendapatan, dan pendidikan, manakala bahagian-bahagian lain mengukur literasi kewangan, persepsi peserta mengenai kesejahteraan kewangan mereka dan ciri kepimpinan diri mereka dalam mengurus kewangan. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) secara deskriptif melalui min dan sisihan piawai, serta statistik inferensi menggunakan ujian korelasi. Skor min keseluruhan digunakan untuk menentukan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan generasi muda, dengan penentuan tahap seperti berikut: (i) skor 1-2.33 (tahap rendah), (ii) skor 2.34-3.66 (tahap sederhana), dan (iii) skor 3.67-5 (tahap tinggi) (Jamil Ahmad, 2002). Bagi analisis inferensi, ujian korelasi digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan. Kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dinilai berdasarkan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies dan Harold (1971) (*Jadual 1*).

Jadual 1. Skala bagi kekuatan korelasi antara dua pemboleh ubah.

Nilai pekali	Tafsiran deskriptif
0.70 – 1.00	Amat Tinggi
0.50 – 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana Tinggi
0.10 – 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Diabaikan

Sumber: Davies (1971).

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kajian ini melibatkan 50 generasi muda dari negara ASEAN termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, dan Brunei. Majoriti responden berusia antara 24-28 tahun (37.3%), diikuti 29-33 tahun (25.5%), manakala hanya 11.8% berusia 11-23 tahun dan 19.6% berusia 39 tahun ke atas. Responden terdiri daripada 54.9% perempuan dan 45.1% lelaki. Menurut Harun et al. (2021), membangunkan literasi kewangan sejak usia muda penting untuk membentuk tabiat berbelanja, meminjam, dan mengurus kewangan yang bertanggungjawab. Sebahagian besar responden berasal dari Indonesia (51%), diikuti Malaysia dan Filipina (17.6% setiap satu), Thailand dan Brunei (5.9% setiap satu), dan Singapura mencatatkan penyertaan paling rendah (2%). Lebih daripada separuh responden adalah pekerja (60.8%), manakala selebihnya adalah pelajar.

Tahap literasi kewangan

Analisis dalam *Jadual 2* menunjukkan tahap literasi kewangan generasi muda di negara ASEAN berada pada tahap sederhana, dengan purata skor 3.62. Walaupun generasi muda mempunyai pemahaman asas mengenai pengurusan kewangan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam pengurusan kewangan peribadi yang lebih kompleks dan pendedahan kepada produk kewangan yang lebih pelbagai. Atkinson dan Messy (2012) menyatakan bahawa meskipun literasi kewangan meningkat, jurang antara pengetahuan teori dan praktikal masih wujud. Walaupun literasi kewangan responden berada pada tahap sederhana, mereka menunjukkan kesedaran tinggi dalam membandingkan produk kewangan sebelum membuat keputusan (min = 4.25). Ini menunjukkan bahawa responden cenderung membuat keputusan berhati-hati untuk memilih produk yang sesuai dengan keperluan kewangan mereka. Atkinson dan Messy (2012) menyokong dapatan ini, menegaskan bahawa individu yang aktif membandingkan produk kewangan berpotensi membuat keputusan yang lebih bijak, mengurangkan risiko kewangan, dan meningkatkan kestabilan kewangan jangka panjang. Responden dalam kajian ini menunjukkan kecenderungan yang tinggi dalam mengumpul maklumat kewangan secara aktif, dengan skor purata 3.84. Hal ini mencerminkan usaha mereka untuk memperoleh maklumat tambahan bagi membuat keputusan kewangan yang lebih tepat, selaras dengan kajian terdahulu juga menyatakan bahawa individu yang proaktif dalam mencari maklumat kewangan cenderung mempunyai pemahaman yang lebih mendalam dan lebih berdaya saing dalam membuat keputusan kewangan.

Jadual 2. Tahap literasi kewangan generasi muda di negara-negara ASEAN.

No.	Pernyataan	Purata	Sisihan piawai
1.	Saya sedar tentang kadar faedah yang dikenakan oleh bank dan institusi kewangan lain	3.71	1.026
2.	Saya faham tentang asas pengurusan kewangan peribadi	3.78	0.832
3.	Saya sering membuat senarai sebelum membeli barangan	3.8	0.939
4.	Saya sentiasa membandingkan produk kewangan sebelum membuat keputusan	4.25	0.913
5.	Saya sering mengumpul maklumat berkaitan isu kewangan	3.84	0.88
6.	Saya sentiasa bersedia untuk membincangkan isu kewangan	3.78	0.966
7.	Saya sentiasa menyimpan dana kecemasan	3.86	0.96
8.	Saya sentiasa menyimpan rekod kewangan	3.37	1.076
9.	Saya mempunyai pengalaman dalam mengurus aset peribadi	3.06	1.103
10.	Saya mempunyai pengalaman melabur dalam pasaran saham	2.24	1.193
11.	Saya merancang bagaimana saya akan membelanjakan dan melaburkan wang saya	3.8	0.849
12.	Saya menilai penyata kewangan peribadi saya secara berkala	3.71	1.064
13.	Saya menguruskan risiko melalui pembelian insurans	2.9	1.221
14.	Saya secara berkala menilai kedudukan hutang saya	3.86	0.939
15.	Saya sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan saya	3.1	0.900
Jumlah Min Keseluruhan		3.62	

Dari segi pengurusan kewangan peribadi, responden mencatatkan skor purata 3.78, menunjukkan mereka memahami asas-asas pengurusan kewangan seperti perancangan belanjawan dan pengurusan aliran tunai. Dapatan ini selaras dengan pandangan Lee dan Hanna (2014), yang menyatakan bahawa pengetahuan kewangan mempengaruhi sikap individu terhadap pengurusan wang dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, skor yang lebih rendah dicatatkan dalam aspek pelaburan saham (min = 2.24) dan pengurusan risiko kewangan, termasuk pembelian insurans (min = 2.9). Ini menunjukkan walaupun responden menyedari kepentingan produk kewangan tersebut, masih ramai yang kurang mengamalkannya. Menurut Lusardi dan Mitchell (2014), pelaburan dalam instrumen berisiko seperti saham memerlukan kemahiran yang tinggi, yang turut disokong oleh

dapatan Dickason et al. (2019) yang mengesahkan hubungan kuat antara pendapatan, kesejahteraan kewangan, dan kepuasan hidup. Responden juga menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap pentingnya menyimpan dana kecemasan, dengan skor purata 3.86. Penemuan ini selaras dengan kajian lepas, yang mendapati generasi milenium di Kampung Sungai Ramal Dalam memiliki tahap simpanan kecemasan yang tinggi, iaitu mencukupi untuk menampung perbelanjaan kecemasan lebih daripada tiga bulan. Analisis juga mendapati responden menilai kedudukan hutang mereka secara berkala (min = 3.86) dan menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap pengurusan hutang. Dapatan ini selari dengan Othman et al. (2015) yang mendapati penjawat awam menunjukkan skor yang tinggi dalam merancang pengambilan hutang dengan lebih berhati-hati sebelum membuat keputusan kewangan yang melibatkan pinjaman. Penemuan ini menggambarkan bahawa responden berusaha mengelakkan kos pinjaman yang tinggi dan memastikan mereka dapat memenuhi komitmen pembayaran bulanan dengan lebih mudah.

Tahap kesejahteraan kewangan generasi muda

Jadual 3 menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kewangan generasi muda di negara-negara ASEAN berada pada tahap sederhana, dengan nilai min 3.11. Ini menunjukkan bahawa walaupun generasi muda di ASEAN memiliki kesedaran terhadap kepentingan pengurusan kewangan, mereka masih menghadapi cabaran dalam beberapa aspek kewangan. Sebagai contoh, pernyataan "Saya merancang untuk menjamin masa hadapan kewangan saya" mencatatkan nilai min tertinggi, 4.25, yang menunjukkan bahawa mereka aktif merancang kewangan untuk masa depan. Penemuan ini selari dengan Othman et al. (2015), yang menyatakan bahawa penyimpanan untuk masa depan membantu mengurangkan beban kewangan jangka panjang. Namun, skor rendah bagi pernyataan "Menganggap had kredit sebagai wang tambahan apabila merancang bajet saya" (min = 2.76) menunjukkan bahawa walaupun ada kesedaran tentang simpanan, tekanan kos sara hidup yang tinggi menghalang mereka daripada mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Penemuan ini juga menekankan bahawa peningkatan kos sara hidup adalah cabaran besar, terutamanya bagi golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Responden juga menunjukkan rasa cemas mengenai keadaan kewangan mereka, yang mencerminkan ketidakstabilan kesejahteraan kewangan. Misalnya, pernyataan "Saya sering bimbang tentang kewangan peribadi saya secara keseluruhan" (min = 3.39). Penemuan ini selari dengan kajian yang menyatakan tekanan kewangan yang berterusan boleh memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan sosial dan psikologi individu, serta dikaitkan dengan ketidakstabilan kewangan. Dapatan ini turut konsisten dengan kajian Khoo dan Nor (2021), yang mendapati kebanyakan pelajar remaja tidak cekap dalam menguruskan perbelanjaan manakala Jamri dan Ishak (2023) juga menunjukkan bahawa pelajar dari kelompok B40 dan M40 menghadapi tahap tekanan kewangan yang tinggi.

Jadual 3. Tahap kesejahteraan kewangan generasi muda di negara-negara ASEAN.

No.	Pernyataan	Purata	Sisihan piawai
20	Jika saya kehilangan pekerjaan saya, saya akan mampu menampung perbelanjaan saya sehingga saya mendapat pekerjaan baru	3.53	1.206
21	Saya secara berkala dapat menyimpan wang daripada pendapatan saya	3.88	1.07
22	Saya telah dapat menyimpan wang yang mencukupi untuk menjamin kehidupan saya pada masa hadapan	3.41	1.062
23	Saya percaya saya tidak akan pernah memiliki perkara yang diinginkan dalam hidup saya disebabkan keadaan kewangan saya yang buruk	2.88	1.177
24	Saya menganggap had kredit sebagai wang tambahan (sebagai penampun tunai)	2.76	1.258

	apabila merancang bajet saya		
25	Kewangan saya mempunyai kuasa penuh ke atas hidup saya	3.31	1.049
26	Setiap kali saya fikir saya mengawal kewangan saya, sesuatu berlaku yang membuatkan saya terkeluar dari landasan	2.84	1.239
27	Saya tidak dapat menikmati hidup kerana terlalu sibuk memikirkan kewangan saya	2.53	1.155
28	Saya sering bimbang tentang kewangan peribadi saya secara keseluruhan	3.39	1.25
29	Saya bimbang untuk menampung perbelanjaan hidup bulanan saya yang biasa	3.06	1.318
30	Saya mempunyai tahap tekanan kewangan yang sederhana pada hari ini	3.02	1.122
31	Saya berpuas hati dengan keadaan kewangan saya sekarang	3.24	1.142
32	Saya sering meminjam wang untuk membayar hutang saya	1.63	0.871
33	Saya merancang untuk menjamin masa hadapan kewangan saya	4.25	0.956
34	Matlamat kewangan yang telah saya tetapkan akan tercapai	3.92	0.956
Jumlah Min Keseluruhan		3.11	

Responden hanya mempunyai kesan psikologi yang rendah kesan dari tekanan kewangan (min = 2.53) seperti "Saya tidak dapat menikmati hidup kerana terlalu sibuk memikirkan kewangan saya." Ini menunjukkan responden kajian tidak mengalami kesan psikologi yang ketara akibat tekanan kewangan walaupun Atkinson dan Messy (2012) menjelaskan bahawa walaupun generasi muda memiliki pengetahuan asas dalam pengurusan kewangan, namun mereka masih terdedah kepada cabaran kewangan yang menjejaskan kualiti hidup dan kesejahteraan mental mereka. Hal ini disokong oleh kajian Falconier dan Epstein (2011), yang mendapati bahawa tekanan kewangan yang berterusan boleh menyebabkan gangguan psikologi dan menurunkan tahap kesejahteraan hidup individu. Sebaliknya, pernyataan "Saya sering meminjam wang untuk membayar hutang saya," (min 1.63), menunjukkan hanya sebahagian kecil responden yang bergantung pada pinjaman untuk menguruskan kewangan mereka. Ketergantungan terhadap pinjaman ini menunjukkan ketidakstabilan kewangan, yang dapat merosakkan kesejahteraan kewangan mereka dalam jangka panjang. Penggunaan pinjaman berlebihan boleh merosakkan kestabilan kewangan individu dan menjejaskan kesejahteraan kewangan mereka manakala Kim et al. (2020) menyokong dapatan ini, dengan menyatakan bahawa pinjaman berlebihan meningkatkan tekanan kewangan dan menurunkan kesejahteraan kewangan.

Mengenal pasti ciri kepimpinan belia terhadap literasi kewangan

Analisis di *Jadual 4* menunjukkan responden mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi dengan nilai skor min 3.88. Relatifnya ini menunjukkan, generasi muda dengan ciri kepimpinan yang tinggi adalah lebih bijak dalam pengurusan kewangan. Keupayaan membuat keputusan yang bijak merupakan ciri kepimpinan paling signifikan dalam meningkatkan literasi kewangan belia (min = 4.15). Pemimpin yang mampu menilai risiko kewangan dan memilih strategi yang tepat lebih cenderung mencapai kestabilan kewangan (Lusardi dan Mitchell, 2014). Kecekapan ini membolehkan mereka mengelakkan keputusan berisiko tinggi dan memastikan pengurusan sumber kewangan yang berkesan (Atkinson dan Messy, 2012). Selain itu, disiplin dalam pengurusan kewangan (min = 4.02) memainkan peranan penting dalam memastikan kawalan perbelanjaan dan simpanan yang sistematik. Kajian Othman et al. (2015) menunjukkan bahawa individu yang berdisiplin kewangan cenderung mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Begitu juga dengan kecekapan dalam perancangan kewangan (min = 3.95), yang menunjukkan bahawa belia yang berfikir strategik lebih mampu mengadaptasi perubahan ekonomi dan merancang kewangan mereka dengan lebih efektif (Dickason et al., 2019). Komunikasi yang berkesan (min = 3.89) turut menyumbang kepada literasi kewangan yang lebih baik, membolehkan individu mendapatkan maklumat tepat sebelum membuat keputusan kewangan. Kajian

Sabri dan Zakaria (2015) menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa pemahaman kewangan yang tinggi sering dikaitkan dengan kebolehan berkomunikasi secara efektif mengenai hal kewangan. Manakala integriti dan etika dalam pengurusan kewangan (min = 3.78) mencerminkan sikap bertanggungjawab dalam keputusan kewangan, yang penting untuk membina kestabilan ekonomi jangka panjang (Lusardi et al., 2019). Kajian Stumm et al. (2013) mendapati bahawa individu yang mengutamakan etika lebih berwaspada dalam mengurus sumber kewangan mereka.

Jadual 4. Ciri kepimpinan belia dan literasi kewangan.

No.	Pernyataan	Purata	Sisihan piawai
1	Keupayaan membuat keputusan yang bijak	4.15	0.85
2	Disiplin dalam pengurusan kewangan	4.02	0.91
3	Kecekapan dalam perancangan kewangan	3.95	0.88
4	Komunikasi yang berkesan dalam membuat keputusan kewangan	3.89	0.92
5	Keupayaan menyelesaikan masalah kewangan	3.85	0.90
6	Integriti dan etika dalam pengurusan kewangan	3.78	0.87
7	Tanggungjawab sosial dalam keputusan kewangan	3.74	0.93
8	Keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi	3.72	0.89
Jumlah Min Keseluruhan		3.88	

Mengenal pasti hubungan antara tahap literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan

Hasil analisis Korelasi Pearson di *Jadual 5* menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana yang signifikan antara literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan dengan nilai korelasi (r) 0.478, p (<0.001). Dapatan menggambarkan bahawa semakin tinggi literasi kewangan seseorang, semakin baik pula kesejahteraan kewangan mereka dan berjaya menyokong kajian Sabri dan Zakaria (2015) yang menyatakan bahawa kesejahteraan kewangan mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Bagaimanapun, dapatan ini agak berbeza dengan kajian lepas, yang mendapati terdapat hubungan positif yang lemah antara literasi kewangan digital dan kesejahteraan kewangan, dengan pekali korelasi sebanyak 0.291. Walaupun hubungan ini dianggap lemah, kajian tersebut turut menunjukkan bahawa peningkatan tahap literasi kewangan digital cenderung diikuti oleh peningkatan dalam kesejahteraan kewangan. Menyokong dapatan ini, kajian terdahulu mendapati bahawa tingkah laku kewangan memberi kesan yang signifikan terhadap kepuasan kewangan dan kesejahteraan kewangan, namun tingkah laku kewangan tidak mempengaruhi kesejahteraan kewangan secara langsung.

Jadual 5. Hasil analisis korelasi Pearson.

Kategori		Literasi kewangan	Kesejahteraan kewangan
Literasi Kewangan	Pearson Correlation	1	.478**
	Sig. (2-tailed)	-	<.001
	N	51	51
Kesejahteraan kewangan	Pearson Correlation	.478**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	-
	N	51	51

*Nota: **=Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).*

Kesimpulan

Kepimpinan memainkan peranan penting dalam memperkukuh literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan generasi muda. Walaupun belia di negara-negara ASEAN memiliki kesedaran terhadap pengurusan kewangan, kelemahan dalam aspek perancangan kewangan strategik, pengurusan risiko, dan pelaburan menunjukkan

bahawa pendidikan kewangan semata-mata tidak mencukupi tanpa pemupukan kemahiran kepimpinan yang berkesan. Literasi kewangan yang rendah bukan sahaja mengakibatkan keputusan kewangan yang kurang bijak, malah meningkatkan risiko beban kewangan yang berpanjangan dan ketidaktentuan ekonomi individu. Kesejahteraan kewangan generasi muda juga dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi seperti kos sara hidup yang semakin meningkat, kemudahan kredit yang sering disalahgunakan, dan ketidaktentuan pasaran kerja. Walaupun mereka memahami keperluan untuk merancang kewangan, kekurangan disiplin dalam pengurusan sumber kewangan menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan yang mampan perlu diperkukuh. Justeru, peningkatan literasi kewangan bukan sekadar bergantung kepada pengetahuan teknikal tetapi juga kepada pembangunan sikap, nilai, dan disiplin kewangan dalam kalangan belia. Ciri kepimpinan seperti keupayaan membuat keputusan yang bijak, disiplin kewangan, dan perancangan strategik berkait rapat dengan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan individu. Ini mengesahkan bahawa literasi kewangan bukan hanya tentang kefahaman terhadap konsep kewangan, tetapi juga tentang kecekapan dalam mengurus sumber ekonomi secara efektif. Oleh itu, usaha untuk memperkukuh literasi kewangan belia perlu disertai dengan pembangunan kepimpinan yang berstruktur dan berterusan bagi melahirkan generasi yang lebih bertanggungjawab dalam membuat keputusan kewangan. Sehubungan itu, kajian mencadangkan supaya program pembangunan kepimpinan dan pendidikan kewangan diperluas bagi memperkukuh literasi kewangan generasi muda, sekali gus meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka secara holistik. Inisiatif ini harus melibatkan pendekatan bersepadu yang merangkumi kurikulum literasi kewangan, latihan praktikal, bimbingan mentor, dan pendedahan kepada pengurusan kewangan yang lebih kompleks. Dengan pemerkasaan kepimpinan kewangan, belia bukan sahaja dapat mengukuhkan kestabilan kewangan peribadi tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih lestari dan inklusif.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Alias, A. (2022): Keperluan hidup mendesak punca muflis. – Berita Online Web Portal 7p.
- [2] Atkinson, A., Messy, F. (2012): Measuring financial literacy: Results of the OECD/International Network on Financial Education (INFE) Pilot Study. – OECD Working Papers on Finance, Insurance and Private Pensions 15: 1-73.
- [3] Bandura, A. (1977): Social Learning Theory. – Prentice-Hall, Englewood Cliffs, NJ 1: 141-154.
- [4] Bass, B.M., Avolio, B.J. (1994): Improving Organizational Effectiveness through Transformational Leadership. – Sage Publications, Thousand Oaks, CA 238p.

- [5] Boyatzis, R., McKee, A. (2005): Resonant leadership: Renewing yourself and connecting with others through mindfulness, hope and compassion. – Harvard Business Press 304p.
- [6] Clutterbuck, D., Megginson, D. (2005): Making coaching work: Creating a coaching culture. – CIPD Publishing 180p.
- [7] Davies, J.A. (1971): Elementary survey analysis. – New Jersey: Prentice Hall 195p.
- [8] Dickason, Z., Ferreira, S.J., Nartea, G. (2019): Financial risk tolerance: A review of the literature and development of a theoretical framework. – Journal of Economic and Financial Sciences 12(1): 1-10.
- [9] Estela-Delgado, B., Montenegro, G., Paan, J., Morales-García, W.C., Castillo-Blanco, R., Sairitupa-Sanchez, L., Saintila, J. (2023): Personal well-being and financial threats in Peruvian adults: The mediating role of financial well-being. – Frontiers in Psychology 13: 9p.
- [10] Falconier, M.K., Epstein, N.B. (2011): Relationship satisfaction in couples dealing with economic strain. – Journal of Marital and Family Therapy 37(4): 411-426.
- [11] Festa, L., Knotts, T. (2021): Self-leadership and financial behaviors among college students: The mediating role of financial self-efficacy. – Journal of Financial Counseling and Planning 32(2): 221-235.
- [12] Goleman, D. (2000): Leadership that gets results. – Harvard Business Review 78(2): 78-90.
- [13] Harun, R., Hasan, M., Salleh, N. (2021): The importance of early financial education: Evidence from Malaysian youth. – Journal of Asian Finance, Economics and Business 8(7): 123-133.
- [14] Hersey, P., Blanchard, K.H. (1977): Management of Organizational Behavior: Utilizing Human Resources. – Prentice-Hall, Englewood Cliffs, NJ 147p.
- [15] Hibrahim, M.A. (2023): 73 peratus belia Malaysia berhutang-kajian. – Berita Harian Web Portal 15p.
- [16] Jabatan Insolvensi Malaysia (2024): Statistik Kebankrapan 2020, Jun 2024. – Laporan Rasmi Jabatan Insolvensi Malaysia 13p.
- [17] Jabatan Perangkaan Malaysia (2021): Statistik Tenaga Buruh 2020. – Laporan Rasmi DOSM, Putrajaya 128p.
- [18] Jamri, S., Ishak, N. (2023): Financial stress and coping strategies among B40 and M40 students in Malaysia. – Journal of Education and Social Sciences 24(1): 45-56.
- [19] Judge, T.A., Bono, J.E., Ilies, R., Gerhardt, M.W. (2004): Personality and leadership: A qualitative and quantitative review. – Journal of Applied Psychology 87(4): 765-780.
- [20] Khoo, C.Y., Nor, N.M. (2021): Financial literacy and spending behavior among Malaysian teenagers. – International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 11(12): 123-137.
- [21] Kim, J., Garman, E.T., Sorhaindo, B. (2020): Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, financial stressor events, and health. – Financial Counseling and Planning 14(2): 75-87.
- [22] Lee, J., Hanna, S.D. (2014): Savings goals and saving behavior from a perspective of Maslow's hierarchy of needs. – Journal of Financial Counseling and Planning 25(1): 12-26.
- [23] Lusardi, A. (2019): Financial literacy and the need for financial education: Evidence and implications. – Swiss Journal of Economics and Statistics 155(1): 1-8.
- [24] Lusardi, A. (2015): Financial literacy skills for the 21st century: Evidence from PISA. – Journal of Consumer Affairs 49(3): 639-659.
- [25] Lusardi, A., Mitchell, O.S. (2014): The economic importance of financial literacy: Theory and evidence. – Journal of Economic Literature 52(1): 5-44.
- [26] Manz, C.C., Sims, H.P. (1987): Leading workers to lead themselves: The external leadership of self-managing work teams. – Administrative Science Quarterly 32(1): 106-129.

- [27] Mogaji, E., Nguyen, N.P. (2024): Evaluating the emergence of contactless digital payment technology for transportation. – *Technological Forecasting and Social Change* 203: 18p.
- [28] Northouse, P.G. (2021): *Leadership: Theory and Practice*. – Sage Publications, Thousand Oaks, CA 578p.
- [29] Othman, M., Ismail, R., Mohd Kassim, N. (2015): Household debt and financial management among Malaysian civil servants. – *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 23(S): 1-16.
- [30] Pearce, C.L., Sims, H.P. (2002): Vertical versus shared leadership as predictors of the effectiveness of change management teams. – *Group Dynamics: Theory, Research, and Practice* 6(2): 172-197.
- [31] Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (2021): *Laporan Statistik Kehilangan Pekerjaan*. – Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia 376p.
- [32] Sabri, M.F., Zakaria, R.H. (2015): The influence of financial literacy, saving behavior, and financial management on financial well-being among Malaysian young workers. – *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 18(1): 82-96.
- [33] Said, J., Alam, M.M., Rafidi, N.R. (2018): Integrating leadership and financial literacy towards sustainable economic wellbeing. – *International Journal of Ethics and Systems* 34(1): 123-139.
- [34] Sehwat, K., Viji, M., Talan, G. (2021): Understanding the path toward financial well-being: Evidence from India. – *Frontiers in Psychology* 12: 20p.
- [35] Selvia, D., Nuryakin, N., Fauziah, N. (2021): The effect of financial knowledge, attitudes, and behavior on financial well-being. – *Journal of Asian Finance, Economics and Business* 8(5): 475-483.
- [36] Sorgente, A., Lanz, M. (2019): The multidimensional subjective financial well-being scale for emerging adults: Development and validation studies. – *International Journal of Behavioral Development* 43(5): 466-478.
- [37] Stendardi, E.J., O'Reilly-Allen, M., Shaanan, J. (2006): Financial literacy, financial planners, and retirement savings. – *Financial Services Review* 15(4): 293-309.
- [38] Stumm, S., Gale, C.R., Batty, G.D., Deary, I.J. (2013): Childhood behavior problems predict economic and educational outcomes across two generations. – *Journal of Personality and Social Psychology* 105(2): 330-348.